

TARIKH	ISNIN, 17 JANUARI 2022
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	INTEGRITI PENJAWAT AWAM MASIH TERBAIK
M/S	5
BIDANG	CIVIL SERVICE
KATA KUNCI	CIVIL SERVICE

# Integriti penjawat awam masih terbaik

**Kuala Lumpur:** Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) berpendirian adalah tidak wajar kesalahan segelintir penjawat awam dengan isu ketidakpatuhan integriti dalam perkhidmatan turut dibebankan kepada semua warga perkhidmatan itu.

Presidennya, Datuk Adnan Mat, berkata CUEPACS melihat tahap profesionalisme dan integriti warga perkhidmatan awam masih pada tahap terbaik dan mempunyai ruang dipertingkatkan dan masyarakat tidak sepatutnya memberi persepsi melampau kepada penjawat awam secara keseluruhannya.

“Perkhidmatan awam dengan bilangan penjawatnya melebihi 1.6 juta, sudah tentu tidak boleh lari daripada masalah integriti, namun ia bukanlah di tahap yang sangat membimbangkan kerana hanya membabitkan segelintir kecil atau kurang dari satu peratus pun.

“CUEPACS dan penjawat awam sendiri menolak sekeras-kerasnya ketidakpatuhan ini, tetapi tidak wajar meletakkan kesalahan segelintir yang ‘tergelincir’ kepada semua warga perkhidmatan awam,” katanya kepada *BH*.

Beliau mengulas kenyataan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman, mengenai usaha berterusan yang perlu dilakukan bagi mengembalikan kepercayaan rakyat terhadap institusi penting negara yang terpalit isu rasuah dan integriti.

Adnan berkata, isu itu bukan lagi mengenai individu, sebaliknya lebih kepada keutuhan dan reputasi sesebuah institusi supaya ia boleh memainkan peranan dan mandat diberi tanpa kewibawaannya dipersoalkan.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki didakwa memiliki saham serta kepentingan dalam syarikat dan Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar berdepan dakwaan gangguan seksual berikutan laporan polis dibuat seorang wanita berusia 57 tahun didesak beberapa pihak untuk direhatkan sementara bagi memberi ruang kepada siasatan dilakukan terhadap mereka.

Ditanya sama ada bersetuju Azam perlu direhatkan sementara siasatan dijalankan, Adnan bagaimanapun enggan menyentuh isu berkaitan individu, sebaliknya hanya menjawab secara menyeluruh.

Beliau berkata, SPRM sebagai

badan yang menguatkuasakan undang-undang dan mendidik orang ramai mengenai pencegahan rasuah seharusnya menunjukkan kepemimpinan melalui tauladan yang baik terutama dalam menghormati prinsip keluhuran Perlembagaan dan kedaulatan undang-undang.

“CUEPACS berharap kerajaan dapat memberi fokus dalam memperkasakan SPRM supaya badan ini sentiasa bergerak ke hadapan bagi menghadapi cabaran isu rasuah dan integriti selari prinsip keluhuran Perlembagaan dan kedaulatan undang-undang negara.

Sementara itu, Presiden Peratuan Bekas Kakitangan Imigresen Malaysia, Shahul Hamid Abdul Rahim, berkata kepercayaan umum terhadap institusi penting negara yang terpalit dalam isu integriti dan rasuah

akan tergugat jika masalah itu tidak ditangani dengan berkesan, malah rakyat juga dikhuatiri mengambil tindakan sendiri kerana hilang kepercayaan dengan ketelusan dan kewibawaan insitisi berkenaan.

Justeru, beliau berkata, usaha mengembalikan kepercayaan rakyat kepada institusi penting terbabit perlu dilaksanakan segera bagi mengelakkan kes seperti yang menimpa Greece dan Hong Kong yang kerajaannya runtuh disebabkan isu sedemikian.

Beliau yang juga bekas Pengarah Akademi Imigresen Malaysia dan pakar kriminologi, berkata majoriti rakyat bukan hanya mengkritik, tetapi juga bosan dengan pelbagai perkembangan isu rasuah dan integriti yang melanda institusi penting negara kebelakangan ini.

“Kalau tidak dikawal, mereka (rakyat) mungkin ambil tindakan sendiri disebabkan sudah hilang kepercayaan dengan institusi ini. Antara yang dibimbangkan akhirnya ialah rusuhan dan sebagainya bagi menyuarakan rasa tidak puas hati kerana bagi mereka, sudah tiada ketelusan dan keikhlasan.

“Hal ini penting sebenarnya, walaupun tengok rakyat macam biasa, seperti tidak ada apa yang berlaku, tetapi lama-kelamaan akan ada akibatnya,” katanya kepada *BH*, semalam.



Shahul Hamid Abdul Rahim

“CUEPACS dan penjawat awam sendiri menolak sekeras-kerasnya ketidakpatuhan ini, tetapi tidak wajar meletakkan kesalahan segelintir yang ‘tergelincir’ kepada semua warga perkhidmatan awam”

Adnan Mat, Presiden CUEPACS



DISEDIAKAN OLEH

1-NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM  
2-CARLOS LINTON (S19), BPM  
UNIT PERPUSTAKAAN, BPM